

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk memperkenalkan Akta Anti Lompat Parti bagi menghalang aktiviti seperti ini yang boleh menyebabkan berlakunya pertukaran Kerajaan sama ada di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan dengan memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia.

2. Antara kandungan di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik termasuklah pengenalan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti. Mengambil kira kewajaran untuk pembentangan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti dilaksanakan

SOALAN NO : 16

secepat mungkin di dalam Dewan, Kerajaan akan memastikan sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak.

3. Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji undang-undang yang digunakan di peringkat Negeri, termasuk kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, Kerajaan turut meneliti model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti.

4. Kerajaan juga akan meneliti dan mempertimbangkan semua cadangan dan input yang diterima daripada pihak berkepentingan termasuk daripada ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang melalui sesi libat urus yang menyeluruh. Sesi libat urus ini amat penting bagi menetapkan apa jua hala tuju dan parameter gubalan undang-undang. Ini adalah untuk memastikan Rang Undang-Undang ini tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri.

5. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti-lompat parti yang bakal digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa peruntukan yang telah disalurkan kepada aktiviti pelancongan, seni dan budaya di Parlimen Pasir Mas sepanjang tahun 2018-2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah memperuntukkan RM5.02juta untuk membiayai tiga (3) buah projek baharu sektor pelancongan dan kebudayaan di Negeri Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dari tahun 2016 hingga 2020 membabitkan Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Kawasan Pantai Geting, Baik Pulih Bumbung dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kompleks Kebudayaan & Kesenian Negeri Kelantan dan Pembinaan Dewan Pagar Orang Ramai Homestay Pantai Suri.
2. Kementerian ini turut membiayai 17 buah projek baharu di bawah program Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak / Bangunan Warisan Tahun 2020 yang melibatkan peruntukan Bajet Mengurus MOTAC Tahun 2020 berjumlah RM1.16juta. Antaranya adalah melibatkan projek Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki di Zon Bebas Cukai Rantau Panjang.
3. Di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) Tahun 2021, sejumlah RM1.4juta telah diperuntukkan di bawah Bajet Pembangunan MOTAC bagi membiayai empat (4) projek pembangunan serta penyelenggaraan baharu di Negeri Kelantan iaitu Peningkatan Kemudahan Pelancongan Pantai Bisikan Bayu, Membaikpulih Struktur Bangunan serta Penyelenggaraan Kemudahan Istana Jahar, Membaikpulih Struktur Tangga Luar Bangunan serta Penyelenggaraan Kemudahan Lanskap Muzium Perang (Bank Kerapu) dan Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Taman Eko Rimba Bukit Bakar.
4. Selain daripada projek fizikal, MOTAC turut menganjurkan beberapa program di sekolah-sekolah sekitar Pasir Mas pada tahun 2019 dan 2020. Program ini berbentuk penganjuran aktiviti di bawah kelab kebudayaan dan sumbangan dalam bentuk wang tunai serta tenaga pengajar.

Sekian, terima kasih.